

05 SEP 2001

MTUC-CPF

MTUC MAHU ISU CPF SINGAPURA DISELESAIKAN SECARA MENYELURUH

KUALA LUMPUR, 5 Sept (Bernama) -- Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) mahu isu Wang Simpanan Pusat Singapura (CPF) diselesaikan secara menyeluruh meliputi rakyat Malaysia yang masih bekerja di republik itu, kata presidennya Senator Zainal Rampak hari ini.

Beliau berkata pengeluaran CPF oleh rakyat Malaysia juga perlu diseragamkan seperti yang diamalkan kepada pekerja asing yang lain.

Pegawai kedua-dua buah negara perlu menyelesaikan masalah wang berjumlah RM3,000 juta milik rakyat negara ini yang telah berhenti bekerja di Singapura secepat mungkin, kerana isu itu telah tertunggak begitu lama, katanya kepada Bernama di sini hari ini. .

Beliau berkata MTUC mengalu-alukan keputusan yang dicapai pada perbincangan antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew semalam di Putrajaya bagi menyelesaikan isu CPF yang telah lama terbengkalai itu.

Berdasarkan keputusan yang dicapai semalam, rakyat Malaysia yang tinggal di Semenanjung yang mencarum kepada CPF kini boleh mendapatkan wang mereka kembali dengan bayaran ansuran dalam tempoh dua tahun.

"Apa yang harus dilakukan, para pegawai dan kementerian yang terlibat dalam isu ini hendaklah membuat perbincangan dengan secepat mungkin mengenai syarat pembayaran, sama ada ia dibayar terus kepada pencarum atau dimasukkan ke dalam kira-kira KWSP masing-masing," katanya.

Beliau berkata para pegawai yang terlibat perlu berbincang dan menyelesaikan isu ini secepat mungkin kerana penyimpan CPF terlalu lama menunggu mengenai kedudukan mereka.

Isu ini timbul apabila banyak daripada rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura terpaksa meninggalkan negara itu semasa kemerosotan ekonomi pada tahun 1987, katanya.

Beliau berkata rakyat Malaysia dari Semenanjung hanya dibenarkan mengeluarkan simpanan CPF mereka apabila mencapai umur 50 tahun, manakala rakyat Malaysia dari Sabah dan Sarawak dibenarkan mengeluarkan simpanan mereka sebaik mereka keluar dari negara itu.

-- BERNAMA

HK AHH ZB